



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

DBKL MEMPERKASA KETELUSAN : PORTAL OSC DBKL DIBUKA KEPADA UMUM

9 FEBRUARI 2026

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini melangkah tegas ke hadapan dengan membuka Portal One Stop Centre (OSC) kepada orang awam bagi memperkukuhkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam proses perancangan bandar Kuala Lumpur. Melalui akses awam ke Portal OSC, orang ramai kini boleh mendapatkan maklumat berkaitan permohonan pembangunan di kawasan masing-masing serta mengesahkan sama ada projek tersebut telah menerima kelulusan sewajarnya daripada pihak berkuasa berkaitan.
2. Bagi melindungi hak pemilik tanah dan pemohon, satu ruang akses awam khas telah diwujudkan dalam Portal OSC. Hanya maklumat perancangan yang tidak bersifat sulit dan relevan akan dipaparkan untuk tontonan umum. Maklumat persendirian dan sulit seperti pelan bangunan terperinci serta dokumen yang membentuk hak milik proprietari pemilik tanah akan terus dilindungi.
3. Dengan membuka akses kepada maklumat ini, DBKL menyasarkan untuk meningkatkan keyakinan awam terhadap proses perancangan dan pembangunan di samping memastikan semua aktiviti pembangunan dilaksanakan secara teratur, mematuhi peraturan serta bertanggungjawab. Pendekatan keterbukaan dalam perancangan bandar ini telah lama menjadi amalan piawai negara-negara maju di mana akses kepada maklumat asas perancangan diiktiraf sebagai hak awam dan bukannya maklumat yang perlu dirahsiakan. Reformasi ini telah sekian lama diperjuangkan oleh Ahli Parlimen, gabungan pertubuhan masyarakat sivil dan persatuan penduduk di Kuala Lumpur dan hari ini ia direalisasikan. Saya merakamkan penghargaan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr. Fadlun bin Mak Ujud atas usaha memudahkan cara reformasi ini dengan pantas.
4. Perancangan bandar di Kuala Lumpur tidak boleh sama sekali menjadi ruang eksklusif segelintir pihak, diputuskan secara tertutup dan dilindungi daripada penelitian awam. Bandar ini milik rakyatnya dan setiap pemegang taruh mempunyai peranan dalam membentuk masa depan Kuala Lumpur.
5. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal OSC di osc3plus.dbkl.gov.my

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

